

# Lawatan Penilai Luar Program Matematik dengan Komputer Grafik



2nd Talk by Prof Graeme C.W

Pemantapan dan penilaian bagi program Matematik dengan Komputer Grafik telah diadakan pada 21 November 2010 – 1 Disember 2010 oleh penilai luar yang dilantik iaitu Prof. Graeme Wake dari Institute of Information and Mathematical Sciences, Massey University, New Zealand. Disamping membuat penilaian, Prof. Graeme juga turut memberikan dua syaran akademik sepanjang kunjungan beliau selama sebelas (11) hari. Syarahan akademik yang pertama diadakan pada 23 November 2010 bertajuk *Spontaneous Ignition-Assessment of Cause: A Success for Mathematics in Industry*. Manakala syarahan akademik yang kedua diadakan pada 24 November 2010 iaitu mengenai *Modelling of Cancer Treatment*. Aktiviti ini turut memberikan peluang kepada para pensyarah dan pelajar

prasiswazah serta pascasiszawah untuk memperolehi pengetahuan baru disamping memperkuatkan kemahiran dalam bidang matematik. Pihak program juga telah menyediakan beberapa aktiviti lain seperti makan malam bersama pensyarah matematik, makan malam bersama dekan dan timbalan-timbalan Dekan SST, lawatan ke Galeri UMS, lawatan ke makmal komputer SST dan kunjungan ke beberapa tempat menarik di sekitar Kundasang. Pada hari terakhir kunjungan tersebut, beliau telah memberikan laporan penuh penilaian terhadap program Matematik dengan Komputer Grafik dan perbincangan bersama-sama dengan pihak pentadbiran tertinggi SST beserta pensyarah matematik.

Artikel oleh: Asdalifah Talibe & Suzelawati Zenian

